

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.04.2018

Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan projek Rangkaian Rel Pantai Timur atau ECRL dan kesan limpahan atau impak sosioekonomi yang diperoleh oleh peniaga-peniaga dan tenaga kerja tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek infrastruktur nasional yang melibatkan pembinaan laluan keretapi sepanjang 688km dari Pengkalan Kubor, Kelantan ke Pelabuhan Klang, Selangor

yang membabitkan 2 fasa iaitu pembinaan Fasa Pertama di antara Kota Bharu ke ITT Gombak manakala pembinaan Fasa Kedua bermula dari ITT Gombak ke Pelabuhan Klang dan Kota Bharu ke Pengkalan Kubor. Pemilikan, pengurusan dan operasi ECRL dikawal sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia melalui syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Untuk makluman Yang Berhormat, pada November 2017, MRL telah memperoleh kelulusan bersyarat bagi Skim Kereta Api Fasa Kedua. Oleh itu, Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) Fasa Kedua telah bermula pada 4 Disember 2017 sehingga 5 Mac 2018 manakala Pameran Awam (*Public Display*) bagi Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Assessment Report*) dijalankan selama sebulan bermula dari 15 Januari 2018 sehingga 13 Februari 2018.

Permohonan pengambilan tanah bagi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang telah diwartakan di bawah Seksyen 4 dan kini sedang dalam proses pewartaan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960. Manakala, bagi negeri Selangor, pihak MRL sedang mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri untuk dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bagi proses selanjutnya.

Selain itu, satu siri jelajah *Pre-Qualification* dan pendaftaran sub-kontraktor tempatan telah pun dijalankan pada Oktober 2017 yang lalu di mana 1,118 kontraktor tempatan dari Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan telah didaftarkan. Oleh yang demikian, tender-tender berkaitan kerja-kerja sivil bakal dibuka pada April tahun ini secara berperingkat kepada kontraktor tempatan yang telah berdaftar dan berkelayakan.

Kerja-kerja bagi pembinaan awal Fasa Pertama telah dimulakan melibatkan ujian tanah dan pembersihan tapak (*site clearing*). Bagi memastikan projek ECRL dapat dilaksanakan dengan lancar di setiap negeri yang terlibat, *Site Base* dan *Satellite Office* disediakan oleh kontraktor utama iaitu *China Communications Construction Company* (CCCC) yang merangkumi pejabat & fasiliti tapak serta lain-lain keperluan yang berkaitan termasuk surau bagi kegunaan para pekerja. Selain itu, persiapan bagi kerja-kerja berkaitan pembinaan terowong sedang dijalankan di Bentong.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek infrastruktur

rakyat yang memberi fokus utama kepada Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dan Lembah Klang. Projek ini bakal menjadi *game changer* dalam merangsang ekonomi negara seterusnya memberi manfaat yang besar kepada rakyat tempatan, khususnya di Wilayah Pantai Timur.

Berdasarkan perspektif peningkatan modal insan, projek ini dijangka mewujudkan peluang pekerjaan di kalangan graduan tempatan yang berpotensi dalam bidang pembinaan dan perkhidmatan rel, terutama melalui kerjasama erat antara pihak industri dan akademik. Sehubungan itu, MoU di antara MRL, CCCC serta institusi pengajian tinggi awam, institut kemahiran dan kolej komuniti tempatan telah ditandatangani bagi Program Latihan Kemahiran Industri Projek ECRL (PLKI). Program latihan ini memfokuskan peningkatan kemahiran graduan tempatan yang berpotensi untuk diambil bekerja oleh kontraktor ECRL dan industri. Sehingga kini, seramai 49 orang pelatih kumpulan pertama berjaya menamatkan Program Professional di bawah PLKI pada Disember 2017 dan telah pun memulakan tugas mereka di MRL dan CCCC pada Januari 2018. Manakala seramai 136 pelatih di bawah Program Kemahiran bakal menamatkan latihan pada Februari 2018. Sebanyak 3,600 anak tempatan disasarkan untuk menjalani latihan sepanjang projek ECRL dilaksanakan sekaligus memberi peluang kepada belia Malaysia memenuhi keperluan kerja

dalam bidang rel dan kereta api ECRL.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan projek ECRL dilihat mampu memberi manfaat secara langsung kepada rakyat terutamanya komuniti yang tinggal berdekatan dengan jajaran projek termasuklah para usahawan industri kecil dan sederhana serta kontraktor-kontraktor tempatan. Dari aspek sosio-ekonomi, projek nasional ini berkeupayaan membuka banyak peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk setempat. Dianggarkan semasa tempoh puncak projek sahaja iaitu pada tahun 2019, pekerja tempatan yang bakal terlibat secara langsung dengan projek ECRL adalah berjumlah lebih kurang 10,000 orang. Hasil pendapatan para usahawan perniagaan industri kecil dan sederhana dalam sektor pemakanan, peruncitan dan pembuatan di kawasan yang terlibat juga dijangka akan melonjak naik. Selain itu, projek ini akan turut merangsang produktiviti dan memberi kesan positif dalam sektor pembinaan, perhotelan, perdagangan dan industri logistik. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja sivil dalam pembinaan rel serta pembangunan koridor di sekitar jajaran projek secara langsung akan melibatkan kontraktor-kontraktor serta syarikat-syarikat tempatan yang

berkelayakan. Projek ini juga bakal mengubah lanskap perdagangan negara melalui peningkatan aktiviti logistik dan pelabuhan negara terutama di Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Klang yang dihubungkan melalui ECRL ini. Impak ekonomi yang positif ini dijangka berpotensi meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negeri-negeri Pantai Timur sebanyak 1.5%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 4 APRIL 2018 (RABU)

SOALAN : 60

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah caj penukaran hak milik motosikal di Sabah boleh diseragamkan kerana caj penukaran hak milik motosikal masih mahal iaitu RM40 di Sabah berbanding RM5 di Sarawak dan RM3 di Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan pada 14 Mac 2018 telah mengumumkan bahawa kadar fi tukar hak milik motosikal bagi Sabah dan Sarawak diseragamkan mengikut kadar Semenanjung iaitu RM3 berkuat kuasa mulai 1 April 2018.